

## Siap sedia hadapi gelombang kedua bah

KOSMO-14

9/11

**KUALA LUMPUR** - Penduduk di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia perlu bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku berikutan proses pertukaran monsun yang dialami kini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, beliau menjangkakan proses pertukaran monsun akan selesai sepenuhnya akhir November ini.

"Jabatan Meteorologi meramalkan gelombang kedua akan berlaku sehingga tamat pertukaran monsun ini iaitu dalam minggu pertama November.

"Bagaimanapun, melihat kepada keadaan, saya jangka hujung bulan ini ia baru akan selesai sepenuhnya kerana

keadaan cuaca pun sangat tidak menentu sekarang," katanya di sini semalam.

Sabtu lalu, Pulau Pinang dilanda banjir luar biasa sehingga melumpuhkan sistem infrastruktur di negeri itu dan mengorbankan tujuh nyawa.

Mengenai dana yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk projek mitigasi banjir di Pulau Pinang, Wan Junaidi memberitahu, kementerian itu melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran bersedia untuk melaksanakan kajian teknikal ke atas sistem dan infrastruktur sedia ada serta yang diperlukan.

Katanya, antara aspek yang akan diberi perhatian ialah sistem perparitan dan saluran, kolam takungan dan penambahan pesisir pantai. - Bernama